

Najib beri cadangan lulus pinjaman RM2b

BA - 3/6/2020 m/s: 16

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu, Datuk Seri Najib Razak hanya memberi cadangan bagi kelulusan pinjaman pertama RM2 bilion oleh SRC International Sdn Bhd daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Peguam Farhan Read yang mewakili Najib, berkata bekas Setiausaha Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan dan Aktuari Kementerian Kewangan, Datuk Maliyami Hamad, dalam keterangannya, berkata beliau menerima tekanan menyediakan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) bagi penyediaan Jaminan Kerajaan untuk pinjaman itu.

Farhan berkata, saksi menyatakan beliau diberi tekanan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) Kementerian Kewangan, Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah, untuk mempercepatkan dokumen terbabit bagi pinjaman RM2 bilion pada tahun 2011 dan bukan didesak oleh Najib.

Susulan itu, beliau berkata, tidak boleh dirumuskan Najib memberi tekanan bagi penyediaan dokumen Jemaah Menteri bagi pinjaman pertama oleh SRC.

Katanya, Artikel 116 Memorandum dan Artikel Persatuan (M&A) SRC yang memberikan kuasa kepada Perdana Menteri melantik Ahli Lembaga Pengarah tidak boleh secara langsung difahamkan Najib mempunyai kepentingan ke atas

SRC

SRC International Sdn. Bhd.

syarikat itu.

“Klausa ini satu perkara biasa dalam mana-mana syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi memastikan hala tuju syarikat selari dengan kerajaan memerintah. Klausa ini mungkin ditambah dan Najib tidak mengetahuinya.

“Jika tertuduh tiada maklumat mengenai klausa dimasukkan dalam (M&A) itu, beliau tidak boleh dikatakan memiliki kepentingan hanya kerana diberi kuasa yang langsung tidak diketahuinya,” katanya.

Farhan yang mengemukakan hujahan di akhir kes pembelaan turut membangkitkan isu mengenai kewibawaan keterangan saksi pendakwaan ke-56 iaitu bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Katanya, Ahmad Husni dalam keterangannya mendakwa Najib dalang di sebalik tuduhan gangguan seksual yang dibuat terhadapnya.

Farhan kemudian membacakan petikan pemeriksaan balas peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah terhadap Ahmad Husni, yang mana saksi itu didakwa memberitahu Najib, “saya akan dedahkan kamu.”

Katanya, ia isu peribadi yang dikemukakan di mahkamah.